



**LAPORAN BENGKEL
PENGUKUHAN PENGURUSAN TUBERKULOSIS HCTM
2025
(LATIHAN KOMPREHENSIF KAKITANGAN HOSPITAL)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

TARIKH

17 OKTOBER 2025

TEMPAT

**AUDITORIUM
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**

ANJURAN

**UNIT RESPIRATORI
JABATAN PERUBATAN, FAKULTI PERUBATAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

LAPORAN BENGKEL “PENGUKUHAN PENGURUSAN TUBERKULOSIS HCTM 2025 (LATIHAN KOMPREHENSIF KAKITANGAN HOSPITAL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)”

PENDAHULUAN

Tuberkulosis (TB) adalah salah satu penyakit berjangkit yang utama di dunia, termasuk di Malaysia. Penyakit ini disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang menyerang paru-paru dan boleh menjangkiti organ lain. Walaupun kemajuan dalam bidang perubatan telah mengurangkan beban penyakit ini, TB masih merupakan ancaman kesihatan awam yang serius, terutamanya dalam kalangan masyarakat kurang berkemampuan dan kurang kesedaran tentang pencegahan serta rawatan.

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan peningkatan kes TB dari tahun ke tahun. Oleh itu, kesedaran masyarakat mengenai bahaya, pencegahan, dan rawatan TB adalah amat penting. Forum Kesedaran Penyakit TB ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat tentang penyakit ini.

1.0 OBJEKTIF BENGKEL

Objektif bengkel telah dilengkapkan dengan slide pembentangan penerangan berkenaan topik yang memberi pengetahuan berkaitan berikut;

- a) asas diagnosis, radiologi, *lab investigation*, ubatan penyakit TB, termasuk simptom, punca, dan cara penularannya.
- b) prosedur kerja latent TB di kalangan pesakit dan staf serta saringan dari Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP)
- c) penerangan mengenai rujukan ke klinik Kesihatan bagi rawatan sambungan.
- d) pengetahuan mengenai tool kit TB yang wajib di isi oleh doktor dan petugas Kesihatan.

2.0 MAKLUMAT PROGRAM

2.1. Nama Bengkel

- Bengkel Pengukuhan Penjagaan Tuberkulosis HCTM 2025 (Latihan Komprehensif Kakitangan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia)

2.2. Tarikh Dan Tempat Bengkel

- 17 Oktober 2025

2.3. Tempat Bengkel

- Auditorium HCTM

2.4. Penganjur

- Unit Respiratori, Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia

3.0 Penyertaan

- a) Penyertaan adalah memberangsangkan meliputi 30 urusetia dan 130 peserta dalaman terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Profesional, Kakitangan sokongan Paramedik dan Kumpulan Perlaksana
- Ketua Unit dan Pakar Perubatan
 - Profesional dan Pengurusan
 - Kakitangan Sokongan (Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat)
 - Kakitangan Pelaksana (Pembantu Perawatan Klinik/Pembantu Tadbir)

4.0 Matlamat Program

Matlamat bengkel untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan mengenai cara merawat pesakit TB di HCTM tidak mengira jabatan dan dengan ini jabatan boleh merawat pesakit dengan lancar tanpa merujuk kepada spesifik jabatan serta check list yang perlu diisi sekiranya rawatan dimulakan tercapai dengan pembentangan slide dan penerangan berkenaan topik yang penting kepada peserta.

5.0 IMPAK BENGKEL

Bengkel ini telah memberi impak positif seperti berikut:

- a) Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap penyakit TB dan pencegahannya.
- b) Peningkatan tahap pengesanan awal tuberculosis di jabatan lain selain jabatan perubatan.
- c) Kemudahan untuk notifikasi dan pengesanan kes melalui senarai semak perkara yang diperlukan semasa rawatan diberikan dalam pembentangan semasa bengkel.
- d) Pemupukan budaya hidup sihat dan pemahaman tentang pentingnya rawatan lengkap bagi pesakit TB.

6.0 JAWATANKUASA BENGKEL

Jawatankuasa Pelaksana adalah terdiri daripada:-

Penasihat

- Prof Madya Dr Andrea Ban Yu-Lin

Pengerusi

- Dr Nik Nuratiqah Nik Abeed

Ketua Scientific Committee

- Prof Madya Dr Ng Boon Hau

- SN Kamilatul Akilah Abu Bakar
- SN Amalinaliyana Kamaruzaman

Ketua Fasilitator

- Dr. Safiqah Sharil

Ketua Koordinator

- Ts. Rose Azzlinda Osman

Setiausaha

- Nur Amani Aris

Bendahari

- Azira Ahmad Kamil

Ahli Jawatankuasa

- Rosman Mat Rashid
- AMO Muhammad Aqil Aniq Rosdi
- Siti Zubaidah Alias

7.0 TENTATIF PROGRAM

Masa	Agenda 17.10.25 (Jumaat)
Masa	Topik
0730-0830	Pendaftaran dan sarapan pagi
0830-0915	Apa itu TB? Bagaimana Ia Merebak, Diagnosis, Cara Mengesan dan Rawatan <i>Prof Madya Dr Andrea Ban Yu Lin</i>
0915-0945	Radiologi perspektif dalam diagnosis TB <i>Dr Nik Farhan Nik Fuad</i>
0945-1015	Cara menghantar sampel untuk pengesanan TB <i>Dr Nor Safiqah Sharil</i>
1015-1045	Rawatan TB <i>Prof Madya Dr Ng Boon Hau</i>
1045-1115	Latent TB in HCW <i>Dr Nik Nuratiqah Nik Abeed</i>
1115-1145	TB dalam pesakit HIV <i>Dr Cheong Xiong Xhee</i>
1145-1215	Symposium talk LABLINK <i>Dr Nazri</i>
1215-1445	Rehat dan Solat Jumaat
1445-1515	Referral to Klinik Kesihatan <i>Dr See Son Kee</i>
1515-1545	Peranan Pejabat Kesihatan Daerah dalam perawatan TB <i>Dr Ernie</i>
1545-1615	Check list untuk memulakan rawatan TB <i>SN Akilah dan SN Amalina</i>
1615-1645	Minum petang/tamat

8.0 PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan ialah RM 4,525.00, merangkumi makanan peserta, bahan cetakan, sijil, dan keperluan bengkel. Tambahan sebanyak RM 3,800.00 ditanggung oleh Unit Respiratori bagi cenderamata, honorarium penceramah dan fasilitator, serta hadiah pertandingan poster. Jumlah keseluruhan perbelanjaan: RM 8,325.00 mengikut pembahagian seperti di kertas cadangan sebelum ini;

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Sarapan pagi penceramah, urusetia dan peserta 150 orang RM7	RM 1050.00
2.	Makan tengahari Penceramah, Urusetia dan peserta 150 orang RM7	RM 1050.00
3.	Makan petang Penceramah, Urusetia dan peserta 150 orang RM7	RM 1050.00
4.	Bahan cetakan, bunting, banner	RM 300.00
5.	Sijil penyertaan	RM 375.00
6.	Alat Tulis dan Keperluan 150 peserta	RM 500.00
	Lain-lain (contingency)	RM 200.00
	JUMLAH KESELURUHAN	RM 4525

b) Peruntukan yang ditanggung oleh Unit Respiratori adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Cenderahati Perasmi	RM 350.00
2.	Cenderahati Penceramah 2 orang	RM 600.00
3.	Honorarium Fasilitator 6 orang	RM 1200.00
4.	Cenderahati Urusetia 13 orang	RM 650.00
5.	Hadiah Pertandingan Poster 10	RM 1000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	RM3800.00

9.0 PENUTUP

Bengkel Kesedaran dan Pengukuhan Rawatan Tuberkulosis ini merupakan satu inisiatif penting dalam memperkukuh kefahaman dan kerjasama antara jabatan di HCTM. Melalui perkongsian ilmu dan

pengalaman klinikal, peserta kini lebih bersedia dalam mengenalpasti, merawat, dan memantau pesakit TB secara menyeluruh. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan secara berkala bagi memastikan kesinambungan pengetahuan dan pengukuhan sistem pengurusan TB di HCTM.

Disediakan oleh:

Amani

NUR AMANI BINTI ARIS

Setiausaha

Bengkel Pengukuhan Penjagaan Tuberkulosis HCTM 2025

(Latihan Komprehensif Kakitangan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia)

Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Universiti Kebangsaan Malaysia

Disahkan oleh:

Atiqah

DR NIK NURATIQA NIK ABEED

Pengerusi

Bengkel Pengukuhan Penjagaan Tuberkulosis HCTM 2025

(Latihan Komprehensif Kakitangan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia)

Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh: 23 Oktober 2025

9.1 LAMPIRAN





